- خليل مطران ( ١ يوليو ١٨٧٢م - ١ يونيو ١٩٤٩م) شاعر لبناني شهير عاش معظم حياته في مصر، عرف بغوصه في المعاني، وجمعه بين الثقافة العربية والأجنبية،
- كان من كبار الكتاب عمل بالتاريخ والترجمة، يشبه بالأخطل بين حافظ وشوقي،
- شبهه المنفلوطي بابن الرومي،
- عرف مطران بغزارة علمه وإلمامه بالأدب الفرنسي والعربي، هذا بالإضافة لرقه طبعه ومسألته، وهو الشيء الذي انعكس على أشعاره

### Gelaran beliau

- Beliau digelar “penyair dua negara” iaitu Mesir dan Lubnan, selepas kematian Hafiz dan Syauqi,
- Mereka menggelarnya sebagai "penyair negara-negara Arab",

### Kerjaya beliau

- Beliau bekerja sebagai editor akhbar Al-Ahram selama beberapa tahun
- kemudian menerbitkan "**Majalah Mesir**"
- Selepas itu beliau menerbitkan akhbar “**Aspek kehidupan harian Mesir**” yang berperanan menyokong Mustafa Kamil Basha dalam gerakannya, dan terus menerbitkannya selama empat tahun,
- Beliau memberi sumbangan besar dalam memperkenalkan gambaran tamadun Barat melalui penterjemahan pelbagai buku-buku induk dari bahasa Perancis ke bahasa Arab.
- Matran menfokuskan syair berbentuk kisah dan gambaran yang dapat digunakan untuk menyampaikan tentang sejarah dan kehidupan masyarakat seharian.
- Beliau menggunakan kisah-kisah sejarah, dan mempersembahkan peristiwa tersebut dengan imajinasinya sendiri, selain menyatakan tentang kehidupan masyarakat.
- Matran sangat hebat dalam bentuk syair ini berbanding penyair lain,
- Beliau menggambarkan kehidupan manusia melalui imajinasinya sendiri dengan mengambil kira semua bahagian penceritaan itu

### لقبه:

- أطلق عليه لقب "شاعر القطرين" ويقصد بهما مصر ولبنان،
- وبعد وفاة حافظ وشوقي، أطلقوا عليه لقب "شاعر الأقطار العربيّة"،

### أعماله:

- عمل كمحرر بجريدة الأهرام لعدة سنوات،
- ثم قام بإنشاء "المجلة المصرية"،
- ومن بعدها جريد الجوانب المصرية اليومية التي عمل فيها على مناصرة مصطفى كامل باشا في حركته ، واستمر إصدارها على مدار أربع سنوات،
- كان له إسهامات كبيرة في التعرف على مظاهر الحضارة الغربية بترجمته العديد من أمهات الكتب من الفرنسية إلى العربية.
- اهتم مطران بالشعر القصصي والتصويري الذي تمكن من استخدامه للتعبير عن التاريخ والحياة الاجتماعية اليومية التي يعيشها الناس،
- استعان بقصص التاريخ، وقام بعرض أحداثها بخياله الخاص، بالإضافة لتعبيره عن الحياة الاجتماعية،
- كان مطران متفوقا في هذا النوع من الشعر عن غيره،
- كان يصور الحياة البشرية من خلال خياله الخاص مراعيًا جميع أجزاء القصة.

## SEKOLAH PENYAIR PERANTAUAN

- Penyair perantauan adalah penyair Arab yang hidup dan mencipta syair dan tulisan mereka di negara-negara yang mereka berhijrah dan menetap di sana.
- Penyair perantauan ini biasanya gelaran bagi sekelompok orang Syam, terutama orang Lebanon berpendidikan yang berhijrah ke Amerika (Utara dan Selatan) pada abad ke 19 dan awal abad ke 20.
- Mereka menubuhkan persatuan dan ikatan sastera di sana, mereka juga menerbitkan akhbar dan majalah yang menumpukan kepada penerbitan kesusasteraan mereka, dan memantau pergerakan sastera di perantauan.
- persatuan sastera yang paling terkenal : Ikatan pena dan Liga Andalusia.

### Persatuan Ikatan Pena

- Ditubuhkan pada tahun 1920 di New York , Amerika Utara,
- Ianya mengisytiharkan penentangan terhadap syair tradisional, dan menyeru kepada pembaharuan dalam syair, dari sudut bentuk dan kandungannya.
- Di antara penyairnya:
  1. Jibran Khalil Jibran
  2. Michael Naimah
  3. Elia Abu Madi
  4. Nassib Aridah
  5. Rashid Ayub.

### Kumpulan Andalusia

- Ditubuhkan pada tahun 1932 di Brazil, Amerika Selatan,
- Ianya lebih hampir kepada memelihara sastera klasik, dan mengukuhkan hubungan antara puisi baru dan lama berbanding **ikatan pena**
- Pengasasnya ialah Michel Ma'luf

## د- مدرسة شعراء المهجر

- شعراء المهجر هم شعراء عرب عاشوا ونظموا شعرهم وكتابتهم في البلاد التي هاجروا إليها وعاشوا فيها،
- يطلق شعراء المهجر عادة على نخبة من أهل الشام وخاصة اللبنانيين المثقفين الذين هاجروا إلى الأمريكيتين (الشمالية والجنوبية) أواخر القرن التاسع عشر، وأوائل القرن العشرين،
- كونوا فيها جمعيات وروابط أدبية، كما أخرجوا صحفا ومجلات تركز على نشر أدبهم، وترصد الحركة الأدبية في المهجر.
- أشهر هذه الجمعيات الأدبية: الرابطة القلمية والعصبة الأندلسية.

### الرابطة القلمية

- تكونت سنة ١٩٢٠م في نيويورك بأمریکا الشمالية،
- أعلنت الثورة على الشعر التقليدي، ودعت إلى التجديد في الشعر شكلا ومضمونا.
- من شعرائها :

١. جبران خليل جبران،
٢. ميخائيل نعيمة،
٣. إيليا أبو ماضي،
٤. نسيب عريضة،
٥. رشيد أيوب.

### العصبة الأندلسية

- تكونت سنة ١٩٣٢م في البرازيل بأمریکا الجنوبية،
- هي أقرب إلى المحافظة على القديم، ودعم الصلات بين الشعر الجديد والقديم من الرابطة القلمية
- أسسها ميشيل معلوف،

• Di antara penyairnya:

- 1- Elias Farhat
- 2- Salma Sayegh
- 3- al Qurawi

Di sana terdapat ramai penyair perantauan yang bukan ahli pertubuhan ini, sebagai contoh:

- 1) Amin al-Rihani
- 2) Ni'matullah al Haj
- 3) Fauzi Al-Ma'luf.

Ciri-ciri utama sastera perantauan:

1) Dari segi kandungan

- Puisi mereka berbentuk ungkapan tentang pengalaman perasaan sebenar dan sifat kemanusiaan yang penuh dengan penelitian.
- Mereka terarah kepada alam, lalu mereka melihat fenomenanya, dan mengenalinya dengan lebih dekat seperti makhluk hidup yang mengekspresikan perasaan yang ada di dalamnya.
- Kebanyakan Sasterawan perantauan meluahkan perasaan kerinduan terhadap tanah air, mengadu tentang penderitaannya,
- Syair-syair mereka terkenal dengan gambaran kesedihan kerana sudah lama terasing (di perantauan) dan perasaan perantau begitu terkesan dengan detik dan ketika..

2) Dari segi bentuk dan persembahan

- Puisi mereka bercirikan keseragaman unsur-unsurnya seperti keseragaman tema, keseragaman suasana perasaan, susunan isi dan gambaran yang dibentuk saling berkait rapat
- mereka sering menggunakan simbol yang mempunyai maksud tersirat yang tidak berkesudahan,
  - **Simbol** - mengikut mereka bermaksud - penyair menjadikan sesuatu yang dapat dicapai dengan pancainderia sebagai simbol kepada maksud yang tersembunyi,

• من شعرائها:

- ١- إلياس فرحات،  
٢- سلمى صائغ،  
٣- القرويّ.

- هناك الكثير من الشعراء المهاجرين الذين لم يكونوا أعضاء في تلك الراوِبط من أمثال:  
(١) أمين الريحاني، (٢) نعمة الله الحاج، (٣) فوزي المعلوف.

أهم خصائص الأدب المهجري :

(١) من حيث المضمون

- مجيء شعرهم تعبيراً عن تجربة شعورية ذاتية، ونزعة إنسانية تأملية،
- توجهوا إلى الطبيعة، فتأملوا في مظاهرها، وشخصوها ككائن حي يعبر عما يجيش في نفوسهم من أحاسيس،
- أكثر أدباء المهجر من الحنين إلى الوطن الأم، يشكون مصابه،
- اشتهر شعرهم بظاهرة الحزن لطول الأيام في الغربة وإحساس المهاجر إحساساً حاداً بالزمن.

(٢) من حيث الشكل والأداء

- اتسم شعرهم بالوحدة العضوية المتمثلة في وحدة الموضوع، وحدة الجو النفسي، وترتيب الأفكار والصور في بناء متماسك،
- اعتمدوا على الرمز لما له من دلالات لا تنضب،
- الرمز معناه - عندهم - أن يتخذ الشاعر من الأشياء الحسية رموزاً لمعنويات خفية،

- Syair mereka bebas daripada bentuk wazan dan qafiah, sehingga penyair perantau sering memperbaharui perubahan bentuk syair, dan mereka mengikuti cara pemotongan bait syair.

- Sebahagian dari mereka terarah kepada syair taf'ilah (irama dalam syair)

- Bahasa mereka bercirikan bahasa yang mudah difahami dan jelas

- Kadang-kala tidak mengikut tatabahasa Arab

- Mereka sering menggunakan bentuk naratif dalam puisi.

- تحرر شعرهم من الوزن والقافية، فجدد المهجريون في قالب القصيدة، واتبعوا نظام المقطوعات،

- اتجه بعضهم إلى شعر التفعيلة

- اتسمت لغتهم بالسهولة والوضوح،

- عدم الالتزام أحيانا بقواعد اللغة العربية

- أكثروا من استخدام الشكل القصصي في القصيدة.



## ☼ Persatuan Apollo ☼

- Persatuan syair Apollo adalah salah satu sekolah sastera yang paling penting dalam era moden.
  - Perkataan “أبوللو” ditulis dengan dua huruf lam atau satu huruf lam, ia adalah perkataan Yunani purba
- Pengasasnya ialah penyair Ahmad Zaki Abu Syadi

### Faktor yang membawa kepada lahirnya Persatuan Apollo

- Persatuan Apollo lahir ketika zaman yang paling sukar dan paling teruk dalam sejarah Mesir moden :
  - Apabila pihak istana dan British berdamai dan kedua-belah pihak bersetuju untuk merampas hak Mesir yang berperlembagaan dan berparlimen.
  - Perlembagaan digantung, sistem parlimen terhenti
  - Suara pembangkang dikekang, dan sebarang percubaan untuk menentang kezaliman kerajaan dihapuskan.
  - Kekangan politik dan penindasan intelektual itu merosakkan ekonomi dan kezaliman sosial yang merupakan bencana buruk.
  - Pergerakan pendidikan juga terbantut, banyak akhbar, majalah dan kelab kebudayaan ditutup dan tidak berfungsi.
- Di tengah-tengah kerumitan dan keradangan ini sama ada bidang politik, ekonomi dan sosial, beberapa penyair, yang diketuai oleh Ahmad Zaki Abu Shadi, bergerak untuk membentuk persatuan yang menyebarkan semangat persaudaraan dan kemesraan antara para penyair, walaupun pendekatan seni dan kemampuan kreatif mereka berbeza.

## هـ- جماعة أبولو

- جماعة أبولو الشعرية إحدى أهم المدارس الأدبية في العصر الحديث،
  - "أبوللو" تكتب بلامين أو بلام واحدة، كلمة يونانية قديمة،
  - مؤسسها : الشاعر أحمد زكي أبو شادي

### عوامل التي أدت إلى نشأة جماعة أبولو

- نشأت جماعة أبولو في فترة من أصعب الفترات التاريخية، وأفساها في تاريخ مصر الحديث:
  - تهادن القصر والإنجليز، وانفقا أن يسلبا مصر حقها في حياة دستورية ونيابية،
  - عطل الدستور، وتوقفت الحياة النيابية،
  - قهر كل رأي يعارض، وأجهضت أي محاولة للوقوف ضد استبداد الحكم،
  - ذلك الاستبداد السياسي والقهر الفكري خراب اقتصادي وظلم اجتماعي فادحان
  - تأخرت حركة التعليم، و تعثرت كثير من الصحف والمجلات والنوادي الثقافية.
- في وسط هذا الإطار المتأزم والملتهب سياسيا واقتصاديا واجتماعيا تحرك بعض الشعراء وعلى رأسهم أحمد زكي أبو شادي؛ لتكوين جماعة تنشر روحا من التآخي و التآلف بين الشعراء رغم اختلاف مفاهيمهم الفنية وقدراتهم الإبداعية.

## Punca dinamakan Persatuan Apollo

• Persatuan Apollo dikenali dengan nama ini, pada tahun 1932. Pemilihan nama **Apollo**, tuhan syair bagi orang Yunani, sebagai simbolik bagi mengajak semua penyair untuk bersama di bawah panji syair, tanpa mengira sekolah penyair itu, arah tuju pemikirannya, atau kecenderungan artistiknya.

• Persatuan Apollo menggunakan nama ini, dari sudut tersembunyi memberi maksud simbolik yang namanya dikaitkan dengan falsafah pembangunan dan ketamadunan Yunani, cintakan falsafah dan ketetapan prinsip moral.

• Inilah yang diusahakan oleh persatuan penyair Apollo dengan mengembangkan bidang kebudayaan dan kreativiti mereka.

## Tokoh penyairnya yang terkenal

• Kumpulan ini turut disertai penyair hati nurani di Mesir dan dunia Arab,

• Antara pemimpinya:

1. Ibrahim Naji
2. Ali Mahmud Taha
3. Ali Al-Anani
4. Kamil Kilani
5. Mahmud Imad
6. Jamila Al-Alayli
7. Soleh Ahmad Ibrahim

## Pendekatan syairnya

• Syair mereka cenderung ke arah bentuk romantik (perasaan cinta)

• Penyair romantis ini - walaupun kreativitinya berbeza - dalam syair mereka membicarakan cinta sedih yang berakhir, Sama ada “berpisah” atau “mati” sebagai simbolik rasa putus asa mereka dalam kehidupan, lemah ekonomi mereka dan ketidakupayaan mereka untuk menghadapi reality hidup.

## سبب تسمية جماعة أبوللو

• عرفت بجماعة أبوللو بهذا الاسم عام ١٩٣٢م، واختارت اسم "أبوللو" إله الشعر عند الإغريق كإشارة رمزية إلى دعوتهم جميع الشعراء للالتفاف حول لواء الشعر مهما كانت مدرسة الشاعر أو اتجاهه الفكري أو ميوله الفنية .

• أن تسمية جماعة أبوللو بهذا الاسم يوحي من زاوية خفية بما يحمله الاسم من دلالات رمزية ارتبط به أبوللو في الفلسفة اليونانية من التنمية الحضارية، ومحبة الفلسفة وإقرار المبادئ الخلقية،

• هذا ما كانت تسعى إليه جماعة شعراء أبوللو بتوسيع مجالات ثقافتهم وإبداعهم.

## أشهر شعرائها

• قد ضمت الجماعة شعراء الوجدان في مصر والوطن العربي،

• من روادها:

١. إبراهيم ناجي،
٢. علي محمود طه،
٣. علي العناني،
٤. كامل كيلاني،
٥. محمود عماد
٦. جميلة العلايلي
٧. صلاح أحمد إبراهيم

## اتجاهها الشعري

• غلب على شعرهم الاتجاه الرومانسي،

• قد وجد هؤلاء الرومانسيون على اختلاف إبداعهم في صورة الحب الحزين الذي ينتهي إما بفراق وإما بموت إشارة رمزية إلى بأسهم في الحياة وعجزهم الاقتصادي وعجزهم عن التصدي للواقع.

- Gambaran manusia dalam kesusasteraan mereka adalah kesepian, negatif, kesedihan,
- Inilah yang kami dapati dalam puisi Ibrahim Naji, Ali Mahmud Taha, Solah Ahmad Ibrahim, dan riwayat Muhammad Abdul Halim Abdullah, Muhammad Farid Abu Hadid dan Yusuf Al Siba'i.
- Sekolah Apollo ini kurang kontroversi berbanding Sekolah Diwan,
- Kewujudan Sekolah sastera ini berkait rapat dengan majalah Apollo, yang diterbitkan untuk jangka masa yang singkat, sehingga ianya berhenti selepas berlaku perselisihan dengan Abbas Mahmud al 'Aqad.
- Tetapi idea-idea sekolah ini tetap teguh dalam minda dan hati nurani kebanyakan sasterawan moden, yang ditunjukkan dalam karya kreatif mereka.

- صورة الإنسان في أدبهم وحيد سلبي حزين،
- هذا ما نجده واضحا في أشعار إبراهيم ناجي وعلى محمود طه، وصلاح احمد إبراهيم، وروايات مُحمَّد عبد الحليم عبد الله و مُحمَّد فريد أبو حديد ويوسف السباعي.
- كانت المدرسة أقل إثارة للجدل من مدرسة الديوان،
- ارتبط وجودها بمجلة أبوللو التي أصدرتها فترة من الوقت لم تدم طويلا فسرعان ما توقفت إثر خلاف مع عباس محمود العقاد
- لكن ظلت أفكار المدرسة راسخة في عقول و وجدان الكثير من أدباء العصر الحديث، متجلية في أعمالهم الإبداعية .

## مدرسة المحافظين

- أ تكلم عن ثلاثة من خصائص الشعر لمدرسة المحافظين.
- ب اذكر أربعة من أغراض الشعر التي استحدثها شعراء مدرسة المحافظين.

## مدرسة الديوان

- أ متى ظهرت مدرسة الديوان؟ واذكر روادها الثلاثة
- ب تحدث عن أهم أهداف مدرسة الديوان.
- ج تعدد مدرسة الديوان أبرز حركات التجديد في الشعر العربي.

استنادا إلى البيان السابق،

(١) ما سبب تسمية المدرسة بمدرسة الديوان؟

(٢) اذكر اثنين من آراء جماعة الديوان عن الشعر؟

د هات ثلاثا من خصائص مدرسة الديوان؟

## التدريبات

### مدرسة الإحياء والبعث

أ تحدث في نقطتين عن كون الشعر قبل وجود مدرسة الإحياء والبعث؟

ب - وضح اثنين من مظاهر التجديد في الشعر عند البارودي من حيث ألفاظه وأساليبه؟

ج (١) متى ظهرت مدرسة الإحياء والبعث؟ ومن رائد هذه المدرسة؟

(٢) ولم سميّت هذه المدرسة بهذا الاسم؟

د (١) اذكر اثنين دور البارودي في النهضة الشعرية.

(٢) كان البارودي يجاري القدماء، لكنه لا يقلدهم وعارضهم،

سمّ أربعة الشعراء الذين عارضهم.

(٤) اكتب اثنين من خصائص شعر البارودي.

أ (١) من هم شعراء المهجر؟  
(٢) هات اثنين من أشهر الجمعيات الأدبية في المهجر.

ب بين اثنين من أهم خصائص الأدب المهجري من حيث المضمون.

جماعة أبوللو

أ بين ثلاثة من العوامل التي أدت إلى نشأة جماعة أبوللو.

ب تحدث عن الاتجاه الشعري لجماعة أبو لولو في نقطتين.

## PROSA SATERA DAN SENI-SENINYA

### Pendahuluan

1. **Prosa sastera** ialah ayat seni bahasa yang indah, ianya disusun dengan gaya bahasa yang indah tidak terikat dengan sistem berirama wazan dan qafiah seperti penyusunan syair.
2. Perbezaan prosa sastera ini dengan ayat yang bukan seni sastera seperti ayat perbualan biasa ialah :
  - a. Bahasa yang terpilih
  - b. idea yang jelas
  - c. ungkapan yang baik
  - d. Mempengaruhi khalayak
3. Seni prosa sastera ini terikat dengan kaedah-kaedah sastera, di mana ia akan menggerakkan perasaan dengan bahasanya yang berbentuk gambaran khayalan dan menjelmakan pengertiannya di hadapan mata pendengar/pembacanya, seolah-olah ia menyaksikan apa yang dibacanya benar-benar dapat dilihatnya.
4. Ciri bahasa prosa sastera ianya dihiasi dengan :
  - a. bentuk ayat yang indah,
  - b. susunan kata yang menarik
  - c. dan halus aturannya.
5. Seni prosa sastera terdapat dua bahagian:
  - a. Seni tradisi : seperti pidato, penulisan
  - b. Seni Moden, seperti artikel, cerpen, teater sastera

## ( ٤ ) النَّثْرُ وَفُنُونُهُ

### تَهْيِيدٌ

- النَّثْرُ: هُوَ الْكَلَامُ الْفَنِّي الْجَمِيلُ، الْمَنْتَوَرُ بِأَسْلُوبٍ جَيِّدٍ لَا يَخْكُمُهُ النَّظْمُ الْإِيقَاعِيُّ وَرِثًا وَقَافِيَةً كَمَا هُوَ حَالُ الشَّعْرِ.
- مُبَيِّزُهُ عَنِ النَّثْرِ غَيْرِ الْفَنِّيِّ (مِثْلُ الْكَلَامِ الْيَوْمِيِّ) :
  - اللَّعَةُ الْمُنْتَفَاةُ
  - الْفِكْرَةُ الْجَلِيَّةُ
  - الْمَنْطِقُ السَّلِيمُ
  - الْمُؤَثِّرُ فِي الْمُتَلَقِّي.
- النَّثْرُ الْفَنِّيُّ يَخْضَعُ لِنَظَرِيَّةِ الْفَنِّ حَيْثُ يُحْرِكُ الْمَشَاعِرَ بِلُغَتِهِ التَّصْوِيرِيَّةِ، وَيُجَسِّدُ الْمَعَانِي أَمَامَ عَيْنِي الْمُتَلَقِّي، فَكَأَنَّهُ يُعَاصِرُ وَيُشَاهِدُ مَا يَقْرَأُ وَأَقْعًا مَرِيئًا.
- تُتَسَمَّى لُغَةُ النَّثْرِ الْفَنِّيِّ بِ:
  - حُسْنِ الصِّيَاغَةِ
  - جَوْدَةِ السَّبْكِ،
  - دِقَّةِ النَّظْمِ.
- فُنُونُ النَّثْرِ قِسْمَانِ:
  - فُنُونٌ قَدِيمَةٌ: الْحُطَابَةُ، الْكِتَابَةُ.
  - فُنُونٌ مُسْتَحْدَثَةٌ: الْمَقَالَةُ، الْفِصَّةُ، الْمَسْرُوحِيَّةُ النَّثْرِيَّةُ.

## (i) SENI PIDATO

**Pidato** adalah salah satu seni sastra klasik Arab sejak dahulu lagi. Ia adalah salah satu bentuk seni yang diwarisi semenjak wujudnya kesusasteraan Arab Jahiliyah.

**Pidato** ialah seni berbicara di khalayak ramai yang bertujuan mempengaruhi mereka dengan cara menarik perasaan dan berintraksi dengan fikiran mereka.

- Oleh itu seni pidato ini menghimpunkan antara hujah, bukti, emosi dan perasaan.

### Seni pidato sebelum era kebangkitan sastra Arab:

- Seni pidato pada zaman moden ini mewarisi apa yang ada pada zaman kerajaan Uthmaniah iaitu pidato yang tidak ada rohnya dan juga tidak ada keindahannya. Tidak ada beza dari sudut kelemahan dan kesukarannya berbanding dengan syair.
- kita tidak mengenali pembeda yang menyampaikan ucapannya secara spontan sebelum era kebangkitan sastra Arab.
- selain daripada majlis-majlis keagamaan. Kita tidak temui ruang yang membolehkan pembeda untuk menyampaikan syarahannya atau pendorong yang mencetuskan untuk seseorang itu berpidato.

### Faktor kelemahan seni pidato sebelum era kebangkitan sastra Arab:

- suasana politik yang zalim (pada masa itu) mengongkong kebebasan bersuara.
- Masyarakat miskin yang disibukkan untuk mencari sesuap makanan berbanding mempelajari ilmu-ilmu sastra.
- Kemunduran, tidak berkembang pemikiran yang menghalang lidah untuk berkata-kata.

## (١) الْحُطَابَةُ

• الْحُطَابَةُ قُنٌّ مِنْ قُنُونِ النَّثْرِ الْأَدْبِيِّ قَدِيمَةٍ قَدِمَ الْأَدَبُ الْعَرَبِيُّ، فَهِيَ أَحَدُ الْأَنْمَاطِ الْفَنِّيَّةِ الْمَوْزُونَةِ مِنْذُ أَدَبِ الْعَصْرِ الْجَاهِلِيِّ.

• الْحُطَابَةُ: هِيَ قُنٌّ مُشَافَهَةٌ الْجُمْهُورِ بَعِيَّةٌ التَّأْيِيرِ فِيهِمْ بِاسْتِمَالَتِهِمْ عَاطِفِيًّا وَمُخَاطَبَةً عُمُومًا؛  
- لِذَا فَهِيَ تَجْمَعُ بَيْنَ الْحُجَّةِ وَالْبُرْهَانِ وَالْإِنْفَعَالِ وَالْوَجْدَانِ.

### • الْحُطَابَةُ قَبْلَ عَصْرِ النَّهْضَةِ :

- وَرَثَ الْعَصْرِ الْحَدِيثِ عَنِ الْعَصْرِ الْعُثْمَانِيِّ حُطَابَةٌ لَا رُوحَ فِيهَا، وَلَا رَوْقًا، لَا تَخْتَلِفُ فِي ضَعْفِهَا وَتَكَلُّفِهَا عَنِ الشِّعْرِ.
- لَمْ نَعْرِفْ حُطَابًا يَرْجُلُ حُطْبَةً تُسْمَعُ قُبَيْلَ عَصْرِ النَّهْضَةِ.
- فَإِذَا اسْتَشْنَيْنَا الْمُنَاسَبَاتِ الدِّينِيَّةَ، فَلَنْ نَجِدَ مِيدَانًا لِلْحُطَابَةِ يَتَحَدَّثُ فِيهِ الْحُطِيبُ، أَوْ دَافِعًا يَحْرِضُهُ عَلَى الْقَوْلِ.

### • عَوَامِلُ ضَعْفِ الْحُطَابَةِ قُبَيْلَ النَّهْضَةِ :

- السِّيَاسَةُ الظَّالِمَةُ الَّتِي تُكَمِّمُ الْأَفْوَاهَ.
- الْمُجْتَمَعُ الْفَقِيرُ الَّذِي يَنْشَغُلُ بِتَحْصِيلِ الْقُوْتِ عَنِ التَّعَرُّفِ عَلَى قُنُونِ الْأَدَبِ.
- التَّخَلُّفُ وَالرُّكُودُ الْفِكْرِيُّ الَّذِي يَحْبِسُ الْأَلْسِنَةَ عَنِ الْقَوْلِ.

- Berlaluinya era kerajaan Uthmaniah, namun seni pidato hanya berkisar pada khutbah Jumaat dan khutbah dua hari raya. Ianya tidak berkembang kerana kebanyakan pemidato bersandarkan kepada bentuk nasihat agama mengikut khutbah dan nas yang telah wujud pada zaman dahulu yang mereka bacakannya kepada orang ramai di atas mimbar daripada buku-buku terdahulu.

#### Faktor perkembangan seni pidato pada era kebangkitan sastera:

- Langkah-langkah yang dilalui dalam kehidupan seharian ke arah kebangkitan sastera ini telah menjadikannya selari dengannya.
- Revolusi Arab yang menyemarakkan perasaan dan semangat sasterawan dan masyarakat.
- Perjuangan politik dalam menghadapi penjajah

#### Tokoh pemidato revolusi Arab:

- Abdullah bin Nadim: Terkenal dengan pidatonya lebih daripada penulisan. Beliau mempunyai kebolehan berbicara, hujah yang kukuh dan jelas ulasannya yang begitu memberi kesan dalam jiwa seluruh masyarakat dan golongan tertentu.

#### Jenis Pidato:

**1) Pidato politik** : Perjuangan politik dalam menghadapi penjajah memberi kesan pada perkembangan seni pidato. Lahirlah di Mesir pemimpin politik selepas beberapa kurun kehilangannya semasa era pemerintahan Uthmaniah. Pemimpin politik ini tidak dapat dipisahkan dengan kebolehan berpidato.

- مَضَى الْعَصْرُ الْعُثْمَانِيُّ وَالْحُطَابَةُ لَا تَتَجَاوَزُ حُطْبَةَ الْجُمُعَةِ وَالْعِيدَيْنِ، وَقَدْ تَجَمَّدَتْ؛ لِاعْتِمَادِ أَكْثَرِ حُطَبَاءِ الْوَعظِ الدِّيْنِيِّ عَلَى حُطْبٍ وَنُصُوصٍ أُعِدَّتْ فِي عَصْرِ سَالِفَةٍ يُفْرَعُونَهَا عَلَى النَّاسِ مِنَ الْكُتُبِ فَوْقَ الْمَنَابِرِ.

#### • عَوَامِلُ ازْدِهَارِ الْحُطَابَةِ فِي النَّهْضَةِ:

- الحُطُوبَاتُ الَّتِي حَطَّتْهَا الْحَيَاةُ الْعَامَّةُ نَحْوُ النَّهْضَةِ: جَعَلَتْ الْأَدَبَ يَخْطُو مَعَهَا.
- الثَّوْرَةُ الْعَرَابِيَّةُ: الَّتِي أَهْبَتْ مَشَاعِرَ الْأَدْبَاءِ وَالْجَمَاهِيرِ.
- النَّضَالُ السِّيَاسِيُّ فِي مُوَاجَهَةِ الْمُسْتَعْمِرِ.

#### • خَطِيبُ الثَّوْرَةِ الْعَرَابِيَّةِ :

- عَبْدُ اللَّهِ النَّدِيمُ : اشْتَهَرَ بِخُطَابَتِهِ أَكْثَرَ مِنْ شُهْرَتِهِ بِمَقَالَاتِهِ، فَقَدْ كَانَتْ مَوْهَبَتُهُ فِي لِسَانِهِ، وَقُوَّةُ حُجَّتِهِ وَنَصَاعَةُ بَيَانِهِ الَّذِي كَانَ لَهُ أَكْبَرُ الْأَثَرِ فِي نَفُوسِ الْعَامَّةِ وَالْخَاصَّةِ.

#### • أَنْوَاعُ الْحُطَابَةِ :

- (١) الْحُطَابَةُ السِّيَاسِيَّةُ: كَانَ لِلنِّضَالِ السِّيَاسِيِّ فِي مُوَاجَهَةِ الْمُسْتَعْمِرِ أَثَرُهُ فِي ازْدِهَارِ الْحُطَابَةِ، فَعَرَفَتْ مِصْرُ الرِّعَامَاتِ السِّيَاسِيَّةَ بَعْدَ قُرُونٍ مِنْ مَوْتِهَا فِي ظِلِّ الدَّوْلَةِ الْعُثْمَانِيَّةِ، وَارْتَبَطَتْ الرِّعَامَةُ السِّيَاسِيَّةُ بِالْقُدْرَةِ الْحُطَابِيَّةِ.



### Faktor perkembangan pidato/ceramah politik:

- Lahirnya parti-partipolitik
- Penubuhan parlimen

### Tokoh pemidato politik yang terkenal

- Abdullah an Nadim
- Abdul Rahman al Kawakibi
- Saad Zaghlul
- Makram 'Abid

### Pidato pada awalnya cenderung kepada bentuk:

- Saja'
- Hiasan pada kata-kata
- Kemudian perubahan begitu pantas dengan meninggalkan bentuk hiasan kata-kata
- Seterusnya menumpukan kepada cara mempengaruhi perasaan, berbicara mengikut tahap pemikiran pendengar serta banyak menggunakan bentuk celupan daripada al Quran dan hadis.

### • عَوَامِلُ اَزْدِهَارِ الحُطَابَةِ السِّيَاسِيَّةِ:

- ظُهُورُ الأَحْزَابِ.
- نَشْأَةُ البَرْلَمَانِ

### • أَتَبَرُّ أَعْلَامِ الحُطَابَةِ السِّيَاسِيَّةِ:

- عَبْدُ اللَّهِ النَّدِيمِ
- عَبْدُ الرَّحْمَنِ الكَوَاكِبِيُّ
- سَعْدُ زَعْلُول
- مَكْرَمُ عَيْبِد

### • كَانَتْ الحُطَابَةُ أَوَّلَ الأَمْرِ تَمِيلُ إِلَى:

- السَّجْعِ،
- الحِلْيَةِ اللَّفْظِيَّةِ،
- سُرْعَانَ مَا تَخَلَّصَتْ مِنَ المُحَسِّنَاتِ البَدِيعِيَّةِ
- رَكَزَتْ عَلَى إِثَارَةِ العَوَاطِفِ، وَمُخَاطَبَةِ العُقُولِ، وَالإِكْتِنَارُ مِنَ الاقْتِنَاسِ.

## 2. Pidato berbentuk kemasyarakatan

### Topik pidato berbentuk kemasyarakatan:

- Tema-tema tradisi seperti menyebut kebaikan si mati, memuliakan seseorang dan perpisahan.
- Tema-tema baharu: ianya terhasil daripada pembaharuan yang wujud dalam masyarakat dan pemikirannya seperti isu tradisi dan moden, wanita keluar bekerja.

## 3) Pidato berkaitan undang-undang

### Faktor perkembangannya:

- Penubuhan fakulti syariah dan undang-undang
- Penubuhan kolej undang-undang yang menjadi salah satu fakulti Universiti persendirian pertama iaitu Universiti Kaherah
  - ianya menyediakan tokoh-tokoh pemedato yang petah berbicara dan mempunyai pengetahuan undang-undang, begitu halus dalam menyusun kata-kata dan memiliki kebolehan menyampaikan sesuatu dengan jelas dan mudah difahami.
- Antara tokoh pemedato dalam bidang undang-undang ini:
  - Ahmad Lutfi as Sayyid
  - Sabri Abu ilm
  - Abdul Rahman ar Rafi'e

## ٢- الحُطَابَةُ الاجْتِمَاعِيَّةُ:

### • مَوْضُوعَاتُ الحُطَابَةِ الاجْتِمَاعِيَّةِ:

- الأَعْرَاضُ التَّقْلِيدِيَّةُ: مِنَ التَّأْيِينِ وَالتَّكْرِيمِ وَالتَّوَدِيعِ
- المَوْضُوعَاتُ الجَدِيدَةُ: فَرَضَتَهَا المُسْتَجِدَّاتُ الاجْتِمَاعِيَّةُ وَالفِكْرِيَّةُ: كَقَضَايَا التَّقْلِيدِ وَالتَّجْدِيدِ، وَخُرُوجِ المَرْأَةِ لِلعَمَلِ.

## ٣- الحُطَابَةُ القَضَائِيَّةُ:

### • عَوَامِلُ ازْدِهَارِهَا:

- إِنْشَاءُ كَلِيَّةِ الشَّرِيعَةِ وَالقَانُونِ.
- إِنْشَاءُ مَدْرَسَةِ الحُقُوقِ الَّتِي أَصْبَحَتْ إِحْدَى كَلِيَّاتِ أَوَّلِ جَامِعَةِ أَهْلِيَّةِ (جَامِعَةِ القَاهِرَةِ).
- قَدَمَتْ نُجْبَةٌ مِنَ الحُطَبَاءِ المُفَوَّهِينَ يَتَمَتَّعُونَ بِثِقَافَةٍ قَانُونِيَّةٍ، وَدِقَّةٍ فِي تَوْظِيْفِ اللُّغَةِ، وَامْتِنَانِكِ لِنَاصِيَةِ البَيَانِ.

- مِنْ أَعْلَامِ الحُطَابَةِ القَانُونِيَّةِ: أَحْمَدُ لُطْفِي السَّيِّدِ، وَصَبْرِي أَبُو عِلْمٍ، وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ الرَّافِعِيِّ.

#### 4) Pidato / ceramah agama

Ceramah agama tidak pernah terputus pada mana-mana zaman pun. Ianya begitu luas tersebar dan paling ramai pendengarnya kerana ianya berkait rapat dengan syiar-syiar Islam.

##### Faktor perkembangannya:

- Ianya berubah daripada bentuk tradisi dan tidak berkembang kepada moden dan pembaharuan.
- Peranan al Azhar dalam melahirkan penceramah yang petah dan pendakwah yang hebat.

##### Antara tokoh penceramah agama pada zaman moden ini:

- Syeikh al Maraghi
- Mahmud Syaltut
- al Baquri

#### ٤ - الحُطَابَةُ الدِّينِيَّةُ:

• الحُطَابَةُ الدِّينِيَّةُ لَمْ تَنْقَطِعْ فِي أَيِّ عَهْدٍ، فَهِيَ الأَوْسَعُ انْتِشَارًا، والأَكْثَرُ جُمُهورًا لا رِيبَاطَها بِسَعَائِرِ الإسلامِ.

• عَوَامِلُ ازْدِهَارِها:

- انْتِقَالُها مِنَ التَّقْلِيدِ وَالْجُمُودِ إِلَى التَّجْدِيدِ وَالْإِبْدَاعِ.
- دَوْرُ الأَزْهَرِ فِي تَخْرِيجِ الحُطِيبِ المُفَوَّه، وَالوَاعِظِ البَارِعِ.

• مِنْ أَعْلَامِ الحُطَابَةِ الدِّينِيَّةِ فِي العَصْرِ الحَدِيثِ:

- الشَّيْخُ: المِراغِيّ
- مُحَمَّدُ شَلْتُوت
- الباقُورِيّ.

## (ii) Penulisan

• Kesusateraan Arab pada abad ke 19 masih mewarisi apa yang ada pada zaman pemerintahan Uthmaniyah, gaya penulisan sastra tidaklah lebih baik daripada syair (puisi):

o Dari Sudut **Bahasa**: penulisan biasanya adalah dengan dialek tempatan (bahasa pasar) atau penulisan itu menggunakan bahasa yang tidak begitu tinggi berbanding dialek tempatan

o Dari sudut **Perkataan**: para penulis begitu mengambil berat dengan perkataan-perkataan itu, dan mereka mengabaikan perkara lain.

☒ Perhatian mereka tidak difokuskan kepada pilihan kata yang paling tepat, istilah yang lembut, ramah, gaya bahasa yang mantap atau ungkapan halus..

☒ Sebaliknya, perhatian mereka ke arah bermain dengan kata-kata dan keindahan bahasa (ilmu badī') yang diada-adakan dan bentuk ilmu bayan yang bersahaja.

o Dari sudut **Isinya**: mereka tidak begitu berminat mendalami bagi mengeluarkan perkara baru darinya, atau mengulanginya bentuk ayatnya dengan bentuk yang begitu seni.

o Dari sudut **Tema-temanya** : ianya tidak keluar dari kepompong sastra klasik yang bertemakan : celaan, rintihan, ucapan tahniah, ucapan takziah, memohon bantuan, dan merasa cukup dengan keindahan bahasa yang sukar difahami seperti bentuk jinas, saja' dan memelihara padanannya.

• Banyak berlaku dalam penulisan ialah pengulangan intipati yang digunakan oleh sasterawan terdahulu dalam bentuk yang begitu lemah dan tidak jelas.

## (٢) الْكِتَابَةُ

• وَرَثَ الْقُرْنُ التَّاسِعَ عَشَرَ عَنِ الْعَصْرِ الْعُمَامِيِّ أَسْلُوبَ الْكِتَابَةِ لَمْ يَكُنْ أَفْضَلَ حَالًا مِنْ الشِّعْرِ:

○ اللَّغَةُ: كَانَتْ الْكِتَابَةُ غَالِبًا بِالْعَامِيَّةِ أَوْ بِلُغَةٍ لَا تَرْتَفِعُ كَثِيرًا عَنْهَا

○ الْأَلْفَاظُ: اهْتَمَّ الْكُتَّابُ بِالْأَلْفَاظِ، وَتَرَكُوا مَا عَدَاهَا،

■ فَلَمْ تَكُنْ عِنَايَتُهُمْ تَتَّجِهْ إِلَى تَحْيِيرِ اللَّفْظِ الْأَدَقِّ أَوْ اللَّفْظِ السَّمَحِ

العذب أَوْ الْأَسْلُوبِ الرَّصِينِ أَوْ عِبَارَةٍ رَقِيقَةٍ.

■ وَإِنَّمَا كَانَتْ مُتَّجِهَةً إِلَى اللَّعْبِ بِالْأَلْفَاظِ وَالْمُحَسِّنِ الْبَدِيعِيِّ

الْمُتَكَلِّفِ وَالتَّصْوِيرِ الْبَيِّنِيِّ السَّادِحِ

○ الْمَعَانِي: لَمْ تَكُنْ لَهُمْ هِمٌّ تَعَوُّصٌ لاسْتِخْرَاجِ الْجَدِيدِ مِنْهَا، أَوْ إِعَادَةَ

صِيَاغَتِهَا صِيَاغَةً فَيِّنَةً.

○ الْمَوْضُوعَاتُ: لَمْ تَخْرُجْ عَنِ التَّقْلِيدِيِّ مِنَ الْعِنَابِ وَالشُّكْوَى وَالتَّهْنِئَةِ وَالتَّعْزِيَةِ

وَالاسْتِمْنَاحِ، وَاکْتَفَتْ بِالْمَحْسَنَاتِ الْبَدِيعِيَّةِ الْمَتَكَلِّفَةِ مِنْ جِنَاسٍ وَسَجْعٍ

وَمِرَاعَاةِ النَّظِيرِ.

• شَاعَ فِي الْكِتَابَةِ تَرْدِيدُ مَعَانِي الْمُنْتَقَدِمِينَ فِي صُورَةٍ مُهْلَهَلَةٍ غَيْرِ مُحْكَمَةِ الصِّيَاغَةِ.

• **Permulaan zaman ini:**

o **Penulisan Sheikh Al-Khasyab, Al-Attar dan Al-Tahtawi:** Pengetahuan mereka membantu membangkitkan sedikit semangat dalam karya mereka walaupun cara penulisan mereka sama bentuknya dengan penulis-penulis di zaman mereka yang terikat dengan saja’.

• **Ahmad Faris Al-Shidyak**, meninggal dunia pada tahun 1878, beliau suka menelaah perkara baharu

o Dia berusaha membebaskan tulisan dari belenggu-belenggu yang menghalang iaitu saja’. Beliau menulis ayat-ayat yang mudah dan jelas penyampaiannya jauh daripada kesukaran yang diada-adakan. Walaupun beliau tidak sepenuhnya dapat mengelak daripada tradisi penulisan pada zamannya.

• **Faktor perkembangan prosa sastera dan bidang penulisan**

• Prosa sastera tidaklah terlalu ketinggalan jauh untuk seiring dengan bidang syair (puisi) dalam proses pembaharuannya. Banyak faktor menggerakkannya dalam perkembangan prosa sastera Arab, antaranya:

o Hubungan dengan sastera Barat secara lebih dekat melalui bidang penterjemahan.

☒ Banyak karya barat yang diterjemahkan oleh anggota generasi pertama (yang belajar di Eropah) - sekitar 200 buah buku – telah memberi kesan jangka jauh pertamanya pada penterjemah (dari sudut kemahiran berbahasa) , kemudian kepada bahasa pembaca yang membaca buku terjemahan tersebut.

o Menghidupkan kembali karya-karya sastera klasik, seperti: Buku-buku karya Al-Jahiz, Abu Hayyan, At Tauhidi dan Al-Mubarrad dan Ibnu Qutaybah.

o Akhbar: kesannya begitu besar dalam perkembangan prosa sastera ke arah penulisan yang mudah difahami dan meninggalkan bahasa retorik yang keterlaluan.

• **بداية هذا العصر :**

○ كتابات الشيخ الحشّاب، والعطّار، والطّهطاوي : كانت ثقافتهم عوناً لهم على بثّ شيءٍ من الرّوح فيما كتبوا، وإنّ ظلّوا ككتابٍ عهدهم يلتزمون السّجع.

• **أحمد فارس الشدياق المتوفى سنة ١٨٧٨ م :** كان متطعاً إلى التجديد،

○ حاول أن يُخلّص الكتابة من أشدّ أغلالها وهو السّجع، فكتب عبارات سهلة واضحة مطبوعة بعيدة عن التكلف، وإن لم يتخلّص نهائياً من تقاليد الكتابة في عصره.

• **عوامِلُ النهوضِ بالنّثرِ والكتابة**

○ لم يتأخّر النّثر طويلاً عن الالتحاق بالشّعريّ في مسيرته التّجديدية، فتصافرت عدّة عوامِلُ على النهوضِ بالنّثر:

○ الاتّصالُ بالأدبِ العربيّ اتّصلاً وثيقاً عن طريق التّرجمة.

■ كان للمؤلّفات التي ترجمها أعضاء البعثّة الأولى - نحو مائتي كتابٍ - آثارٌ بعيدة المدى في لغة المترجم أولاً، ثمّ في لغة كلّ من القاريّ.

○ إحياء التراث الأدبيّ القديم مثل: كُتِبَ الجاحظُ وأبي حيان التوحيدي والمبرد وابن قتيبة..

○ الصّحافة: أثرها خطيرٌ في تطوّر النّثر نحو السّهولة وطرح المحسنات البديعية.

### (iii) Penulisan Artikel

#### Pengertian Artikel

**Munculnya bentuk penulisan artikel ini** berkait rapat dengan terbitnya akhbar-akhbar. Penulisan artikel ini adalah hasil daripada munculnya akhbar. Ianya lahir seiring dengan wujudnya akhbar dan berkembang dengan berkembangnya akhbar.

**Pengertian Artikel yang lebih lengkap** ialah satu bentuk penulisan prosa yang sederhana panjangnya, mengolah sesuatu topik dengan olahan yang pantas mengikut pandangan penulisnya.

Artikel adalah bentuk sastera yang paling banyak dibaca dan merangkumi setiap perkara, kerana ianya membahaskan sesuatu tajuk sama ada : bidang perubatan, alam sekitar, ilmiah. Ianya begitu rumit yang tidak mampu diolah oleh syair, bicara kisah atau dialog teater.

Artikel asal dalam sastera (**artikel sastera**) ialah tulisan yang lahir dari luahan jiwa penulis dari sudut perasaan dan emosi dalam bentuk bahasa seni yang memberi kesan (kepada pembaca) , asasnya adalah bentuk gambaran dan penjelmaan.

#### Jenis-jenis penulisan artikel

Berbagai jenis artikel mengikut **topik** yang dibincangkan, iaitu:

- 1- Artikel berkaitan politik.
- 2- Artikel berkaitan masyarakat.
- 3- Artikel berkaitan agama.
- 4- Artikel berkaitan sejarah.

Manakala dari sudut **gaya bahasanya** pula, ianya terbahagi kepada:

1- **Artikel ilmiah** : menumpukan kepada pemindahan fakta-fakta ilmiah dan menyusun isi pentingnya dengan bahasa yang halus dan mudah difahami oleh orang ramai, jauh sekali daripada menggunakan ayat-ayat yang sukar difahami.

**Jenis artikel ini** ialah artikel berkaitan perubatan, alam semulajadi dan ekonomi.

### (۳) الْمَقَالَةُ

#### مَفْهُومُهَا

– نَشَأَتْهَا: اِرْتَبَطَ ظُهُورُهَا بِالصِّحَافَةِ، فَهِيَ رَبِيبَتُهَا، نَشَأَتْ بِنَشَأَتِهَا، وَازْدَهَرَتْ بِاِزْدِهَارِهَا.

– أَشْمَلُ مَفْهُومِهَا: هِيَ قِطْعَةٌ مِنَ النَّثْرِ مُعْتَدِلَةٌ الطُّولِ، تُعَالِجُ مَوْضُوعًا مَا مُعَالَجَةٌ سَرِيعَةٌ مِنْ وَجْهَةٍ نَظَرِ كَاتِبِهَا.

– الْمَقَالَةُ أَكْثَرُ الْفُنُونِ الْأَدَبِيَّةِ اسْتِيعَابًا وَشُمُولًا: لِأَنَّهَا تُعَالِجُ مَوْضُوعًا مَا : [طَبِيبًا أَوْ بَيْعِيًّا أَوْ عِلْمِيًّا]، شَدِيدَ التَّعْقِيدِ مِمَّا لَا تَحْمِلُهُ أَجْنِحَةُ الشِّعْرِ، وَلَا حَوَادِثُ الْقِصَّةِ، وَلَا حَوَارِ الْمَسْرُوحِيَّةِ.

– الْمَقَالَةُ الْأَصِيلَةُ فِي الْأَدَبِ (الْمَقَالَةُ الْأَدَبِيَّةُ) هِيَ الَّتِي تُوحَى بِمَا تَعَجُّ بِهِ نَفْسُ الْكَاتِبِ مِنْ عَوَاطِفَ وَانْفِعَالَاتٍ فِي لُغَةٍ فَنِيَّةٍ مُؤَثَّرَةٍ قَوَامُهَا التَّصْوِيرُ وَالتَّشْحِيسُ.

#### أَنْوَاعُ الْمَقَالَةِ

– تَنْوَعُ الْمَقَالَةُ تَبَعًا لِلْمَوْضُوعِ إِلَى مَقَالَةٍ: (۱) سِيَاسِيَّةٍ (۲) اجْتِمَاعِيَّةٍ

(۳) دِينِيَّةٍ (۴) تَارِيخِيَّةٍ

– مِنْ حَيْثُ الْأَسْلُوبُ إِلَى :

(۱) مَقَالَةٌ عِلْمِيَّةٌ : تَهْتَمُّ بِنَقْلِ الْحَقَائِقِ الْعِلْمِيَّةِ، وَتَرْتِيبِ الْأَفْكَارِ بِلُغَةٍ سَلِسَةٍ قَرِيبَةٍ إِلَى الْجُمْهُورِ، بَعِيدًا عَنِ التَّأَنُّقِ فِي الْعِبَارَةِ.

– أَنْوَاعُهَا: طَبِيبِيَّةٌ، وَفِيزِيَاءِيَّةٌ، وَكَوْنِيَّةٌ، وَاقْتِصَادِيَّةٌ

2- **Artikel sastra** : ianya merupakan satu bentuk prosa yang menampakkan tentang perwatakan sasterawan tersebut dan ianya menggambarkan tentang perasaannya, bergerak seiring dengan khayalannya dan melakarkan keperibadiannya.

**Gaya bahasanya** adalah berbentuk sastra semata-mata. Di dalamnya terdapat unsur perasaan yang berkecamuk dengan kesedihan, khayalan yang tinggi, gambaran yang selesa dan gaya bahasa yang segar.

**Penulis yang terkenal** dalam penulisan ini ialah Ahmad Hasan az Zayyat, Mustofa Sodik ar Rafie, Abdul Azizi al Busyra, al 'Aqad dan Toha Husain.

Artikel ini terbahagi mengikut kaitan topik yang dibincangkan dengan penulis itu sendiri, iaitu:

1- Artikel berkaitan peribadi penulis.

2- Artikel berkaitan sesuatu topik

- Artikel berkaitan peribadi penulis yang paling baik ialah artikel sastra.

- Artikel berkaitan sesuatu topik yang paling baik ialah artikel ilmiah dalam semua cabangnya dan pengkhususannya.

- Kebiasaan artikel berkaitan peribadi penulis adalah menggunakan ungkapan tentang peribadi penulis itu lebih banyak berbanding ungkapan yang tiada sebarang tajuk, kerana pembaca melihat topik artikel tersebut dengan pandangan matanya sendiri dan merasai emosinya dan terpengaruh dengan idea-ideanya.

Artikel dari sudut **pembinaan seni sastra** terbahagi kepada :

1- Artikel cerita dan lakonan.

2- Artikel tentang pengembaraan.

3- Artikel berbentuk surat.

(٢) مَقَالَةٌ أَدَبِيَّةٌ: هِيَ قِطْعَةٌ مِنْ نَثْرِيَّةٍ، تَشْفُ عَنْ ذَاتِ الْأَدِيبِ، وَتُعَبِّرُ عَنْ مَشَاعِرِهِ، وَتَنْطَلِقُ مَعَ خَيَالِهِ، وَتَرَسُّمُ شَخْصِيَّتِهِ.

أَسْلُوبُهَا: أَدْبِيٌّ مَحْضٌ، فَفِيهَا مَا شِئْتَ مِنْ عَوَاطِفَ جَيَّاشَةٍ، وَخَيَالٍ عَرِيضٍ، وَصُورٍ مُتَرَفِّةٍ وَأُسْلُوبٍ رَشِيقٍ.

أَشْهُرُ كُتَاتِبِهَا: أَحْمَدُ حَسَنُ الزِّيَّاتِ وَمُصْطَفَى صَادِقُ الرَّافِعِيِّ وَعَبْدُ الْعَزِيزِ الْبَشْرِيُّ وَالْعَقَّادُ وَطَهَ حُسَيْنٌ.

- تَنْقَسِمُ الْمَقَالَةُ تَبَعًا لِعِلَاقَةِ مَوْضُوعِهَا بِالْكَاتِبِ إِلَى: (١) مَقَالَةٍ ذَاتِيَّةٍ (٢) مَوْضُوعِيَّةٍ

• خَيْرٌ مَا يُعَبَّرُ عَنِ الْمَقَالَاتِ الذَّاتِيَّةِ: الْمَقَالَاتُ الْأَدَبِيَّةُ

• خَيْرٌ مَا يُعَبَّرُ عَنِ الْمَقَالَاتِ الْمَوْضُوعِيَّةِ: الْمَقَالَاتُ الْعِلْمِيَّةُ بِجَمِيعِ فُرُوعِهَا وَتَخْصُصَاتِهَا.

• يَغْلِبُ عَلَى الْمَقَالَةِ الذَّاتِيَّةِ: كَوْنُهَا تَعْبِيرًا عَنْ ذَاتِ كَاتِبِهَا أَكْثَرَ مِنْ كَوْنِهَا تَعْبِيرًا مُجَرَّدًا عَنْ مَوْضُوعٍ مَا؛ لِأَنَّ الْقَارِئَ يَرَى مَوْضُوعَ الْمَقَالَةِ بَعِيْنِي الْكَاتِبِ، وَيَشْعُرُ بِأَنْفِعَالَاتِهِ وَيَتَأَثَّرُ بِأَفْكَارِهِ.

- تَنْقَسِمُ الْمَقَالَةُ مِنْ حَيْثُ التَّكْوِينُ الْفَنِّيُّ إِلَى:

(١) مَقَالَةٌ فَصْصِيَّةٌ وَتَمَثِيلِيَّةٌ

(٢) مَقَالَةُ الرِّحَالَاتِ

(٣) مَقَالَةُ الرِّسَالَةِ

Artikel dari **sudut panjangnya** terbahagi kepada :

- 1- Artikel / rencana.
- 2- Cetusan idea.

**Cetusan idea** ialah artikel yang sangat ringkas, tidak melebihi beberapa ayat yang berdasarkan lintasan buah fikiran bagi mengolah tajuk-tajuk tertentu, kebiasaannya berbentuk sindiran.

**Penulis yang terkenal** dalam penulisan ini ialah Abdul Wahab 'Azzam, Ahmad Rejab, Ahmad Bahjah.

Penulisan artikel ini telah berjaya dalam memindahkan cara penulisan kepada **bentuk semasa yang baru** iaitu:

- 1- Hilang ungkapan dan retorik yang dihafal pada zaman kemunduran sastera Arab.
- 2- Banyak menggunakan nukilan.
- 3- Kurang menggunakan perkataan seerti dan menggunakan bentuk penggabungan ayat berdasarkan kesukaran teks tersebut.
- 4- Perkataan yang digunakan menepati maksud, khayalannya begitu tinggi dan fikrah sempurna.
- 5- Banyak bentuk tasybih, isti'arah yang baru bersumberkan persekitaran semasa.

- تَنْقَسِمُ الْمَقَالَةُ مِنْ حَيْثُ الطُّوْلُ إِلَى : (١) الْمَقَالَةُ (٢) الْخَاطِرَةُ

الْخَاطِرَةُ : مَقَالَةٌ قَصِيرَةٌ جِدًّا، لَا تَتَجَاوَزُ عِدَّةَ جُمَلٍ تَعْتَمِدُ عَلَى النَّظَرِ الْخَاطِفَةِ فِي مُعَالَجَةِ الْمَوْضُوعَاتِ، تَتَّسِمُ غَالِبًا بِالسُّحْرِيَّةِ.

أَشْهُرُ كُتَّابِهَا: عَبْدُ الْوَهَّابِ عَزَّامٌ وَأَحْمَدُ رَجَبٌ وَأَحْمَدُ بَهْجَتٌ.

- نَجَحَ الْمَقَالُ فِي الْاِتِّقَالِ بِالْكِتَابَةِ إِلَى وَاقِعٍ جَدِيدٍ:
- ١- اخْتَفَتِ الْعِبَارَاتُ وَالْمُبَالَغَاتُ الْمَحْفُوظَةُ فِي عُصُورِ الْإِنْحِطَاطِ.
  - ٢- تَرَاجُعُ الْإِكْتِنَارِ مِنَ الْاِسْتِشْهَادِ.
  - ٣- قِلُّ التَّرَادُفِ، وَمُزَاوَجَةُ الْجُمَلِ عَلَى نَحْوِ أَرْهَقِ النَّصِّ.
  - ٤- مُسَاوَاةُ الْأَلْفَازِ لِلْمَعَانِي وَسُمُومُ الْخَيَالِ وَسُمُومُ الْفِكْرِ ..
  - ٥- شَاعَتْ التَّشْبِيهَاتُ وَالْاِسْتِعَارَاتُ الْجَدِيدَةُ الْمُسْتَمَدَّةُ مِنَ الْبَيْئَةِ.



#### (iv) Seni penulisan cerita

##### Sejarah penulisan berbentuk cerita

- Seni penceritaan mempunyai sejarah yang panjang dalam karya sastera manusia.
- Ianya berkait rapat dengan kewujudan manusia dan berkembang mengikut perkembangan manusia, kerana manusia mengenali seni ini sejak dahulu lagi. Manusia adalah sumber kepada seni ini, pencipta dan orang yang memperjuangkannya. Kehidupan ini adalah pentas kepada peristiwa penceritaan tersebut.
- Seni penceritaan ini mempunyai sejarah yang panjang semenjak zaman Jahiliah.
- Zaman Jahiliah penuh dengan berbagai contoh bentuk penceritaan yang menggambarkan bangsa Arab dalam pelbagai sudut kehidupan mereka seperti peperangan dan perdamaian. Ianya diriwayatkan/dinukilkan secara lisan, diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.
- Seni penceritaan ini mula berkembang dan berubah mengikut perubahan masyarakat sehingga zaman Abbasiyah:
  - Di mana masyarakat Arab mengetahui perkembangan yang pesat dalam pelbagai bidang sama ada bidang politik, masyarakat, pemikiran dan kesusasteraan.
  - Hasilnya merupakan faktor yang besar yang mempengaruhi di antara pelbagai tamadun manusia. Hasil ini terdapat dalam beberapa bentuk baru, seperti:
    - 1) Cerita Dongeng
    - 2) Cerita dalam bentuk Maqam
    - 3) Cerita Falsafah, seperti : Hayy bin Yaqzan, Risalah Ghafran.

#### (٤) الفَنُّ الْقِصَصِيُّ

##### نَشَأَةُ الْقِصَّةِ

- فَنُّ الْقِصَّةِ لَهُ جُذُورٌ عَمِيقَةٌ فِي التُّرَاثِ الْإِنْسَانِيِّ
- اِرْتَبَطَ بِنَشَأَةِ الْإِنْسَانِ وَتَطَوَّرَ بِتَطَوُّرِهِ؛ إِذْ عَرَفَهُ الْإِنْسَانُ مِنْذُ أَقْدَمِ الْعُصُورِ ، وَكَانَ الْإِنْسَانُ مَصْدَرًا هَذَا الْفَنِّ وَمُبْدِعُهُ وَبَطَّلُهُ ، وَكَانَتْ الْحَيَاةُ مَسْرَحًا لِأَحْدَاثِ الْقِصَّةِ.
- الْفَنُّ الْقِصَصِيُّ لَهُ جُذُورٌ مُتَمَدَّةٌ مِنْذُ الْعَصْرِ الْجَاهِلِيِّ
- الْعَصْرُ الْجَاهِلِيُّ كَانَ حَافِلًا بِالنَّمَاذِجِ الْقِصَصِيَّةِ الَّتِي تَصَوَّرَ الْعَرَبُ فِي مُخْتَلَفِ جَوَانِبِ حَيَاتِهِمْ مِنَ الْحَرْبِ وَالسَّلَامِ وَكَانَتْ تُرَوَى مُشَافَهَةً، وَيَتَوَارَثُهَا النَّاسُ جِيلًا بَعْدَ جِيلٍ.
- أَحَدَ الْفَنِّ الْقِصَصِيِّ يَنْمُو وَيَتَطَوَّرُ بِتَطَوُّرِ الْمُجْتَمَعِ حَتَّى الْعَصْرِ الْعَبَّاسِيِّ :
- \* حَيْثُ عَرَفَ الْمُجْتَمَعُ الْعَرَبِيُّ تَطَوُّرًا هَائِلًا فِي كَافَّةِ الْمَجَالَاتِ السِّيَاسَةِ وَالْاجْتِمَاعِيَّةِ وَالْفِكْرِيَّةِ وَالْأَدَبِيَّةِ،
- \* ظَهَرَتْ ثَمَرَةٌ أَكْبَرُ تَفَاعُلٍ بَيْنَ مُخْتَلَفِ الْحَضَارَاتِ، وَكَانَ مِنْهَا أَلْوَانٌ جَدِيدَةٌ مِثْلُ:
  - (١) الْقِصَّةُ الْحُرَافِيَّةُ
  - (٢) الْقِصَّةُ الْمَقَامِيَّةُ
  - (٣) الْقِصَّةُ الْفَلْسَفِيَّةُ مِثْلُ: حَيُّ بْنُ يَظَانَ، رِسَالَةُ الْعُفْرَانِ

Bentuk kisah dan cerita rakyat begitu popular dan diminati ramai pada zaman Abbasiyah, seperti:

- 1) Kisah hidup Antar bin Syaddad
- 2) Saif bin Zi Yazan
- 3) Kisah-kisah Bani Hilal

Namun kisah-kisah tersebut tidak sampai ke peringkat matang seperti kisah moden berdasarkan kerangka seni sastera.

### Peringkat seni penceritaan di zaman moden

#### Peringkat Pertama:

##### Kisah pendidikan yang diterjemah dari bahasa asing

- Perkembangan pertama seni penceritaan ini adalah di Mesir pada kurun ke 19 iaitu kisah pendidikan yang diterjemah dari bahasa asing iaitu "Pengembaraan Talimak". Buku ini dialih bahasa oleh Rifa'ah Tahtawi dari bahasa Perancis ke dalam bahasa Arab, harapannya untuk mempersembahkan nasihat untuk memperbaiki budi pekerti orang ramai.

#### Peringkat Kedua:

##### Kisah pendidikan dan hiburan

- Ianya dimulakan oleh sasterawan syam yang berhijrah ke Amerika, kerana mereka banyak menerima pendidikan Eropah dan kesusteranya.
- Muncullah penceritaan sejarah pada peringkat kedua ini yang dihasilkan oleh George Zaidan seperti: "Pemudi Ghassan", "Armanus Mesir", "Perawan Quraisy", "Gadis Karbala" dan "al Hajjaj bin Yusuf".

#### Peringkat Ketiga:

##### Kisah Seloka dan hiburan

- Lahir aliran ini bermula akhir kurun ke 19 sehingga revolusi 1919. Seni penceritaan ini berterusan sehingga peringkat ini tanpa diiktiraf dalam kesusasteraan Mesir yang menganggap munculnya bentuk penceritaan ini seperti anak tidak sah taraf.

- شُهِدَتْ الْقَصَصُ وَالسِّيَرُ الشَّعْبِيَّةُ رَوَاجًا كَبِيرًا فِي الْعَصْرِ الْعَبَّاسِيِّ، مِثْلَ:

(١) سِيرَةُ عَنَتْرَةَ بِنِ شَدَّادٍ (٢) سَيْفُ بِنِ ذِي يَزَنَ (٣) قَصَصُ بَنِي هِلَالٍ

لَكِنَّ تِلْكَ الْقَصَصَ لَمْ تَصِلْ إِلَى مُسْتَوَى نَضْجِ الْقِصَّةِ الْحَدِيثَةِ فِي بِنْيَتِهَا الْفَنِّيَّةِ.

### أَطْوَارُ الْفَنِّ الْقَصَصِيِّ فِي الْعَصْرِ الْحَدِيثِ:

#### ١- الطَّوْرُ الْأَوَّلُ: الْقِصَّةُ التَّعْلِيمِيَّةُ الْمُتَرْجَمَةُ

- أَوَّلُ مَظَاهِرِ النَّشَاطِ الرَّوَائِيِّ فِي مِصْرَ فِي الْقَرْنِ التَّاسِعِ عَشَرَ مُتَمَثِّلَةً فِي الْقِصَّةِ التَّعْلِيمِيَّةِ الْمُتَرْجَمَةِ "مُعَامِرَاتُ تَلِيمَاك" وَقَدْ تَرَجَمَهَا رِفَاعَةُ الطَّهَطَاوِيُّ مِنَ الْفَرَنْسِيَّةِ إِلَى الْعَرَبِيَّةِ؛ بُعِيَّةٌ تَقْدِيمٌ مَوَاعِظٍ لِتَحْسِينِ سُلُوكِ عَامَّةِ النَّاسِ.

#### ٢- الطَّوْرُ الثَّانِي: مَا بَيْنَ التَّعْلِيمِ وَالتَّرْفِيهِ

- بَدَأَهُ الْمُهَاجِرُونَ الشَّوَامُ؛ لِأَنَّهُمْ كَانُوا أَكْثَرَ إِقْبَالًا عَلَى الثَّقَافَةِ الْأَوْرُوبِيَّةِ وَأَدَابِهَا.
- ظَهَرَتْ الرَّوَايَةُ التَّارِيخِيَّةُ فِي الطَّوْرِ الثَّانِي عَلَى يَدِ جُورْجِي زَيْدَانَ: "فِتْنَةُ غَسَّانِ"، "أَرْمَانُوسَةُ الْمِصْرِيَّةِ"، "عِذْرَاءُ قَرِيْشٍ"، "غَادَةُ كَرْبَلَا"، "الْحِجَّاجُ بْنُ يُوْسُفَ".

#### ٣- الطَّوْرُ الثَّلَاثُ: رَوَايَةُ التَّسْلِيَّةِ وَالتَّرْفِيهِ

- ظَهَرَ هَذَا التِّيَّارُ مِنْ أَوَاخِرِ الْقَرْنِ التَّاسِعِ عَشَرَ، إِلَى ثَوْرَةِ ١٩١٩ م وَظَلَّتْ الرَّوَايَةُ حَتَّى هَذِهِ الْفِتْرَةَ غَيْرَ مُعْتَرَفٍ بِهَا فِي الْحَيَاةِ الْأَدْبِيَّةِ الْمِصْرِيَّةِ الَّتِي نَظَرَتْ لِلرَّوَايَةِ كَوَلِيدٍ غَيْرِ شَرْعِيِّ.

**Muhammad Husain Haikal** terpaksa menggunakan nama samaran untuk menggambarkan dirinya dengan nama (Petani Mesir) dan karyanya berjudul “Suasana dan budi pekerti orang kampung”. Ini untuk mengelak daripada dicela yang mana kebanyakan masyarakat Mesir memandang jijik bentuk penulisan ini ketika itu.

#### Peringkat Keempat:

##### Kisah Seloka dan hiburan yang berkait rapat dengan masyarakat

- Penulisan cerpen ini telah berjaya menarik perhatian masyarakat untuk menerimanya.
- Antara karya yang lahir ketika itu ialah:
  - 1- Kisah “Ihsan Hanim” dan kisah “Thurayya” karya Isa ‘Abid
  - 2- Kisah “Rejab Afendi” karya Mahmud Taimur.
  - 3- Kisah “Hawa tanpa Adam” karya Tohir Lasyin.

#### Peringkat Kelima:

##### Pelbagai bentuk Kisah berkaitan Jiwa, masyarakat, politi dan kisah peribadi seseorang.

- 1- Kisah “Hari-hari” karya Toha Husain
- 2- Kisah “Sarah” karya al ‘Aqad.
- 3- Kisah “Ibrahim II” karya Mazinni.
- 4- Kisah “Ikatan yang suci” karya Taufik Hakim.

اضْطَرَّ مُحَمَّدٌ حُسَيْنٌ هَيْكَلٌ إِلَى اسْتِحْدَامِ اسْمٍ مُسْتَعَارٍ لِلتَّعْبِيرِ عَنِ نَفْسِهِ بِاسْمِ (مِصْرِيٍّ فَلَاحٍ) وَسَمَّاهَا (مَظَاهِرٌ وَأَخْلَاقٌ رِيْفِيَّةٌ) مُجْتَبَاً لِلِاسْتِهْجَانِ الَّذِي تُسَبِّهُهُ كَلِمَةُ قِصَّةٍ فِي الْأَوْسَاطِ الْمِصْرِيَّةِ آنَدَاكَ.

#### ٤- الطُّورُ الرَّابِعُ: رَوَايَةُ التَّسْلِيَةِ وَالتَّرْفِيَةِ ذَاتُ الْبُعْدِ الْاجْتِمَاعِيِّ

- نَجَحَتْ الْقِصَّةُ فِي انْتِزَاعِ اعْتِرَافٍ بِهَا
- مِنَ الْأَعْمَالِ الَّتِي ظَهَرَتْ فِي هَذِهِ الْفَتْرَةِ:
  - ١- رَوَايَاتُ "إِحْسَانُ هَانِمٍ" وَ "نُورِيَّا": لِعَيْسَى عَيْبِد.
  - ٢- رَوَايَةُ "رَجَبُ أَفْنَدِي": لِمَحْمُودِ تَيْمُور.
  - ٣- رَوَايَةُ "حَوَاءُ بِلَا آدَمَ": لِطَاهِرِ لَاشِين.

#### ٥- الطُّورُ الْخَامِسُ: الْأَلْوَانُ الْمُخْتَلِفَةُ مِنَ الرِّوَايَاتِ النَّفْسِيَّةِ وَالْاجْتِمَاعِيَّةِ وَالسِّيَاسِيَّةِ وَالرِّوَايَةِ الْذَاتِيَّةِ.

- ١- رَوَايَةُ "الْأَيَّامُ": لِطِهْ حُسَيْنٍ
- ٢- رَوَايَةُ "سَارَةُ": لِلْعَقَّادِ
- ٣- رَوَايَةُ "إِبْرَاهِيمُ الثَّانِي": لِلْمَازِينِيِّ
- ٤- رَوَايَةُ "الرِّبَاطُ الْمُقَدَّسُ": لِتَوْفِيْقِ الْحَكِيمِ.

### Peringkat Keenam:

#### Kisah kehidupan sebenar yang diolah dengan terperinci

- Penulisan cerpen ini menceritakan secara panjang lebar kehidupan sebenar masyarakat Mesir dan menggambarkan keperibadian masyarakat Mesir dalam pelbagai peringkat.
- Antara tokoh yang menulis bentuk ini ialah Najib Mahfuz. Beliau adalah tokoh yang merubah bentuk penulisan cerpen Arab kepada peringkat sastera dunia.

#### Jenis seni penulisan Kisah:

- 1- Cepen : Sejenis bentuk penceritaan, panjangnya tidak melebihi had Novel dan tidak terlalu pendek daripada had cerpen.
- 2- Novel : Jenis yang paling besar, ianya memenuhi beberapa jilid buku, mengambil masa yang panjang untuk menghabiskan bacaannya. Novel ini menjurus ke arah menggambarkan kehebatan luar biasa. Ia juga berbentuk prosa sastera yang berkembang yang mengisahkan kepahlawanan (pertarungan berdarah) di zaman dahulu.
- 3- Cerpen pendek: ianya tampil dalam satu bentuk yang berlaku dal satu masa. Ianya menumpukan penceritaan tentang perihal seseorang, sesuatu peristiwa atau perasaan.
  - berdasarkan masa : bacaannya tidak kurang daripada 15 minit dan tidak lebih daripada 2 jam.
  - berdasarkan panjangnya : patah perkataannya antara 1500 sehingga 10, 000 perkataan
- 4- Himpunan kisah: suatu penceritaan yang ringkas daripada cerpen pendek. Ianya hanyalah pengamatan sepintas lalu kepada sesuatu situasi, perasaan atau emosi yang mana pengkisah (orang yang mencoretkan kisah itu) berusaha mengilap dan menghilangkan kekaburan.

### ٦- الطُّورُ السَّادِسُ: الرَّوَايَةُ الْوَأَقِيعَةُ التَّحْلِيلِيَّةُ

- هِيَ الَّتِي تَحْكِي تَفَاصِيلَ الْوَأَقِعِ الْمِصْرِيِّ، وَتُصَوِّرُ الشَّخْصِيَّةَ الْمِصْرِيَّةَ فِي مُخْتَلَفِ أَطْوَارِهَا
- مِنْ أَعْلَامِ الْقِصَّةِ الْوَأَقِيعَةِ: "نَجِيبٌ مَحْفُوظٌ": فَهُوَ الْفَارِسُ الَّذِي انْتَقَلَ بِالْقِصَّةِ الْعَرَبِيَّةِ إِلَى مَصَافِّ الْآدَابِ الْعَالَمِيَّةِ.

### أَنْوَاعُ الْفَنِّ الْقِصَصِيِّ:

- ١- الْقِصَّةُ: نَوْعٌ مِنَ الْفَنِّ الْقِصَصِيِّ، لَا يَطُولُ لِيَبْلُغَ حَدَّ الرَّوَايَةِ، وَلَا يَقْصُرُ لِيَقِفَ عِنْدَ حَدِّ الْأَقْصُوصَةِ.
- ٢- الرَّوَايَةُ: هِيَ أَكْبَرُ أَنْوَاعِ الْفَنِّ الْقِصَصِيِّ حَجْمًا، فَهِيَ تَمَلَأُ الْمَجَلَّدَاتِ، وَتَسْتَعْرِقُ أَيَّامًا وَلَيَالٍ فِي قِرَاءَتِهَا تَنْتَجِي الرَّوَايَةُ نَاحِيَةَ تَصْوِيرِ الْبُطُولَاتِ الْخَارِقَةِ، فَهِيَ الصُّورَةُ النَّثْرِيَّةُ، الَّتِي تَطَوَّرَتْ عَنِ الْمَلْحَمَةِ الْقَدِيمَةِ.
- ٣- الْقِصَّةُ الْقَصِيرَةُ: تُمَثِّلُ حَدًّا وَاحِدًا، يَقَعُ فِي وَقْتٍ وَاحِدٍ، وَتَتَنَاوَلُ عَلَى نَحْوِ مُرَكِّزٍ شَخْصِيَّةٍ أَوْ حَادِثَةٍ أَوْ عَاطِفَةٍ،
  - وَقَدْ قِيسَتْ زَمَنِيًّا: تُقْرَأُ فِي وَقْتٍ لَا يَقِلُّ عَنْ رُبْعِ سَاعَةٍ، وَلَا يُجَاوِزُ السَّاعَتَيْنِ.
  - وَقِيسَتْ طَوْلِيًّا: بَعْدَ كَلِمَاتِهَا بَيْنَ ١٠,٥٠٠ - ١٠,٠٠٠
- ٤- الْأَقْصُوصَةُ: عَمَلٌ رَوَائِيٌّ أَقْصَرُ مِنَ الْقِصَّةِ الْقَصِيرَةِ حَجْمًا، يَكْتَفِي بِالتَّبَعِ السَّرِيعِ الْخَاطِفِ لِمَوْقِفٍ أَوْ إِحْسَاسٍ أَوْ انْفِعَالٍ يُجَاوِلُ الْقَاصُّ أَنْ يَجْلُوهُ وَيُطِيفُ بِهِ.

## Pengisian Cerpen

1- **Peristiwa**: penceritaan sesuatu kisah atau peristiwa yang membentuk pergerakan watak-watak (di dalam cerpen itu).

2- **Watak** : manusia yang bergerak dalam persekitaran peristiwa-peristiwa tersebut.

- **Watak** di dalam cerpen ini terbahagi kepada:

i) **Watak utama**: Ianya unsur utama penceritaan dan penggerak kepada peristiwa yang berlaku dalam penceritaan tersebut.

ii) **Watak sampingan** : Pembantu kepada watak utama dan ianya terpengaruh dengan watak utama tersebut.

- **Watak-watak** di dalam cerpen ini juga terbahagi kepada:

i) **Watak yang aktif**: Ianya sentiasa berkembang mengikut perkembangan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam penceritaan tersebut.

